KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SIARAN MEDIA

Konvensyen Pemerkasaan Kepimpinan Luar Bandar MADANI Wujudkan Wadah Interaktif Nasional

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) telah menganjurkan Konvensyen Pemerkasaan Kepimpinan Luar Bandar MADANI Tahun 2025 pada hari ini di Sabah International Convention Centre (SICC), Kota Kinabalu, Sabah. Majlis perasmian penutupan konvensyen ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah. Konvensyen ini disertai oleh 1,200 orang kepimpinan desa yang terdiri daripada anggota Jawatankuasa Komuniti Desa MADANI (JKDM) daripada seluruh negeri Sabah.

Konvensyen ini adalah wadah interaktif peringkat nasional yang memberi ruang kepada pengurusan tertinggi kementerian dan kepimpinan negara untuk berinteraksi secara langsung dengan pemimpin akar umbi dan masyarakat luar bandar. Objektif utama konvensyen adalah untuk menyebar luas fungsi, peranan serta bidang tugas JKDM ke arah membasmi kemiskinan dan meningkatkan pembangunan sosioekonomi masyarakat setempat agar JKDM dapat menjadi pemangkin transformasi sosioekonomi luar bandar.

Konvensyen ini juga menyaksikan pelancaran gerak kerja JKDM Sabah bagi usaha pembasmian kemiskinan dan peningkatan sosioekonomi, sebagai simbolik kepada komitmen pemimpin akar umbi dalam merealisasikan objektif penubuhan JKDM.

Antara peranan utama JKDM ini adalah mengemaskini Profiling Komuniti Desa (ProKD) dan Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional (SPKPN) yang bertujuan mengumpulkan data demografi Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR) di kampung masing-masing. Peranan ini amat penting bagi memperoleh data terkini yang diperlukan untuk analisis dan perancangan pembangunan kampung secara lebih holistik dan tepat.

Maklumat yang dikumpul akan membantu KKDW dalam menyampaikan perkhidmatan secara lebih berkesan, sama ada dalam bentuk projek fizikal atau

inisiatif pembangunan modal insan. Selain itu, JKDM juga perlu sentiasa berhubung serta berperanan sebagai aset penting kepada Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Sabah dalam melaksanakan gerak kerja KKDW yang seiring dengan objektif penubuhannya.

Bagi RMKe-12, peruntukan pembangunan untuk Negeri Sabah adalah yang tertinggi antara negeri-negeri lain iaitu melebihi RM1.1 billion setiap tahun. Peruntukan ini digunakan untuk pelaksanaan pelbagai projek pembangunan oleh agensi-agensi di bawah KKDW. Konvensyen ini juga turut menyaksikan penyerahan Geran Peruntukan Program Tanam Semula Sabah Tahun 2025 yang berjumlah RM30,279,000.00 merangkumi Program Tanam Semula di bawah Rancangan Malaysia Ke-12, Prasarana Asas Pertanian dan Insentif Input Pertanian.

Menerusi konvensyen ini, diharapkan JKDM dapat diperkasa bagi memastikan peningkatan pembangunan sosioekonomi masyarakat setempat dan seterusnya membasmi kemiskinan serta mewujudkan lebih banyak Desa MADANI selaras dengan hasrat kerajaan.

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
24 Jun 2025